

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI BALAI ISLAM, PERKIM, DI JALAN IPOH, KUALA LUMPUR PADA 21HB APRIL, 1973

Saudara Pengerusi, Saudara-saudara sekalian,

Terlebih dahulu suka saya mengucapkan berbanyak terima-kasih atas jemputan saudara-saudara kepada saya untuk merasmikan Balai Islam ini.

Pada hemat saya, pembukaan Balai Islam ini menandakan setapak lagi kemajuan yang dicapai oleh PERKIM dalam usahanya mengembangkan Ugama Islam yang maha suci. Dengan adanya Balai Islam ini, saya yakin PERKIM akan dapat meningkatkan lagi kegiatan-kegiatannya meluaskan dakwah Islam dan di samping itu mengadakan kemudahan-kemudahan bagi saudara-saudara Islam di sini melakukan ibadat terutama sekali saudara-saudara Islam kita yang baru.

Balai Islam yang indah ini patutlah menjadi tempat tumpuan saudara-saudara Islam yang tinggal sekitar tempat ini berkumpul untuk membincangkan masalah sehari-hari yang berhubung dengan kehidupan dan ugama, terutama sekali perkara yang bersangkutan dengan belia kita yang menghadapi perubahan environmental dan psychological zaman moden ini, kerana saya rasa perkara ini patut diberi perhatian berat oleh kita semua.

Saudara-saudara sekalian,

Saya sangat sukacita PERKIM yang telah diasaskan pada tahun 1961 dengan galakan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj telah berjalan dengan pesat mengembangkan Dakwah dan membawa obor Islam dengan penuh dedikasi kepada orang-orang Islam dan juga yang bukan Islam. Sehingga ini PERKIM mempunyai cawangan-cawangan hampir di semua negeri-negeri Semenanjung Malaysia dan patutlah menjadi kebanggaan kepada PERKIM dan kepada seluruh umat Islam di Malaysia, bahawa PERKIM telah berjaya setakat ini menarik saudara-saudara baru Islam seramai lebih dari 20,000 orang.

Saya mengambil kesempatan ini menyampaikan tahniah kepada PERKIM di atas kejayaannya yang besar itu dan berdoa mudah-mudahan Allah akan terus memberkati kegiatan PERKIM bagi mencapai kejayaan yang lebih besar di masa akan datang.

Memandang kepada kemajuan dunia yang sentiasa meningkat dan aliran pemikiran manusia yang ingin mencari kebenaran untuk mententeramkan jiwa mereka dalam mengejar kemajuan kebendaan, saya berseru supaya PERKIM akan lebih menitikberatkan usaha-usaha bagi membawa obor kebenaran Islam kepada jenerasi-jenerasi muda yang banyak sedang mencari pedoman untuk kehidupan yang sempurna.

Saya juga berharap supaya pihak PERKIM akan memperhebatkan usaha-usaha yang dijalankan bagi memupuk kesuburan ajaran Islam dalam dada saudara-saudara baru Islam dengan cara yang intensif dan berkesan. Kegiatan dalam aspek inilah yang boleh menjamin keteguhan iman mereka menghadapi cabaran-cabaran sekeliling.

Saudara-saudara sekalian,

Sebagai menjunjung Islam sebagai ugama rasmi negara, Kerajaan meletakkan pandangan berat kepada soal Dakwah Islam dan kemajuan Islam pada umumnya. Dalam hubungan ini, Kerajaan Pusat memberi bantuan kewangan tetap kepada PERKIM, dan saya sukacita juga ramai Kerajaan-Kerajaan Negeri memberi bantuan kewangan yang sama.

Saya berharap bahawa dengan pembukaan dan pelancaran Balai Islam yang tersergam indah ini pihak PERKIM akan dapat melipat-gandakan usaha dan perjuangannya menjaga kemurnian dan kebesaran ugama Islam serta dasar-dasarnya yang progresif bagi keselamatan hidup manusia dunia dan akhirat.

Saudara-saudara sekalian,

Sebagai usaha Kerajaan untuk memperhebatkan kegiatan dakwah yang dijalankan oleh berbagai-bagai pihak, tidak berapa lama lagi akan dilancarkan sebuah Yayasan Dakwah Islamiah. Susunan serta undang-undang Yayasan Dakwah Islamiah itu telahpun diluluskan oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia baru-baru ini.

Yayasan Dakwah Islamiah ini merupakan suatu usaha yang penting dari pihak Kerajaan dan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia untuk memperhebatkan dakwah di kalangan seluruh masyarakat. Yayasan ini akan mempunyai punca-punca kewangan yang cukup dan anggota-anggota dakwah yang tersusun rapi dan terlatih baik bagi menyelaras, menyelia dan menggerakkan seluruh jentera dakwah yang ada dalam Negara kita pada masa ini. Saya berbesar hati bahawa Yayasan Dakwah Islamiah ini telah mendapat sambutan daripada semua pihak yang berkecimpung dalam bidang dakwah dan dari semua pertubuhan-pertubuhan Islam dan Persatuan-persatuan Belia Islam di seluruh tanahair.

Saya sungguh-sungguh berharap bila dilancarkan kelak, Yayasan Dakwah Islamiah ini akan dapat memberi sumbangannya yang besar maknanya dalam penyebaran Dakwah Islam di Negara kita ini dengan kerjasama daripada Badan-badan Dakwah yang ada dan juga dari seluruh golongan masyarakat Islam.

Saya suka menyatakan di sini bahawa Kompleks Pusat Islam yang akan disiapkan pada tahun ini dalam kawasan Masjid Negara akan menjadi Pusat Perkembangan Islam di Negara kita dan akan menjadi "menara" yang akan memancarkan cahaya Islam, bukan sahaja di Negara kita tetapi juga ke seluruh negara-negara di rantau ini.

Saya telah mengarahkan supaya Instituti Dakwah yang ada sekarang diperkemaskan susunannya sehingga dapat berjalan serentak dan sejajar dengan Yayasan Dakwah Islamiah yang akan dilancarkan itu. Nyatalah bahawa dalam lapangan memajukan Islam dan Dakwah Islam pihak Kerajaan telah menjalankan segala apa yang boleh untuk mencapai tujuan yang suci itu. Sekarang ini kita mempunyai Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Pusat Penyelidikan Islam, Instituti Dakwah, Instituti Pengajian Al-Quran dan Insya Allah, Yayasan Dakwah Islamiah yang baru.

Saya percaya bahawa pengajian Islam yang dilakukan menerusi Fakulti Islam Universiti Kebangsaan dan Jabatan Pengajian Islam di Universiti Malaya akan mengadakan pertalian yang rapat dari segi Pengajian Akademi dengan Institusi-Institusi Dakwah yang tersebut itu. Dengan demikian, maka pertumbuhan yang sihat dari

perkembangan penyiaran Dakwah Islam akan dapat berjalan lancar dengan membawa hasil yang sebaik-baiknya bagi masyarakat Negara kita.

Saudara-saudara sekalian,

Saya dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Pengasih merasmikan Balai Islam ini.